

03 SEP 1997

Islam-Seragam

MUFTI DAN KEWARASAN DALAM SOAL PENTADBIRAN ISLAM

Analisis Berita

Oleh: Ali Mamat

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Rakyat Malaysia seharusnya menarik nafas lega dan menyambut baik hasil pertemuan lebih dua jam antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan 14 orang mufti di sini semalam.

Kewarasan ternyata mengatasi sentimen dan emosi apabila pada akhir pertemuan itu, mufti-mufti berkenaan bersetuju tidak akan mengeluarkan sebarang fatwa pada masa depan tanpa terlebih dahulu merujukkannya kepada Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan (JMFK).

Mereka juga bersetuju untuk menyelaraskan prosedur pentadbiran hukum syarak dengan mengambil kira kepentingan pelaksanaan hukum syarak yang sama di semua negeri.

Pertemuan itu diadakan bagi menjernihkan kekeruhan yang timbul selepas Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menangkap tiga wanita Islam yang menyertai satu pertandingan ratu cantik baru-baru ini. Tindakan itu dikatakan sejajar dengan fatwa Mufti negeri yang mengharamkan orang Islam menyertai pertandingan seumpama itu.

Mufti-mufti yang hadir itu ialah sembilan orang dari negeri-negeri beraja dan lima lagi yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong.

Menurut pemerhati, soal penyeragaman fatwa dan pentadbiran hukum syarak di negara ini sepatutnya telah lama diselesaikan kerana dalam banyak hal, perbezaan kaedah dan pendekatan antara satu negeri dengan satu negeri yang lain lebih banyak menimbulkan kekeliruan daripada penyatuan fahaman sesama umat Islam.

Walaupun hampir seratus peratus daripada umat Islam di Malaysia menganuti fahaman Ahli Sunnah wal Jumaah, corak pentadbiran syarak masih berbeza-beza antara satu negeri dengan negeri yang lain.

Ada sesetengah fatwa yang dikeluarkan oleh mufti di sebuah negeri tidak pula turut dikeluarkan oleh mufti di negeri yang lain, seperti yang berlaku di Sarawak baru-baru ini apabila pihak berkuasa agama Islam negerinya mengharamkan lelaki Islam daripada menyertai pertandingan bina badan.

Perbezaan ketara pentadbiran hukum syarak antara negeri-negeri juga dapat dilihat daripada kadar denda atau hukuman yang dikenakan bagi kesalahan jenayah. Tidak semua negeri memperuntukkan hukuman bagi kesalahan zina, manakala negeri Kedah dendanya ialah tidak lebih RM5,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Jika perbezaan itu dibiarkan, orang pasti akan bertanya di mana letaknya penyatuan syariat dan keunggulan Islam sebagai sebuah agama yang universal, sedangkan undang-undang Islam itu berasal dari sumber yang satu iaitu Quran dan sunnah Rasulullah?

Soal keikhlasan Dr Mahathir untuk melihat penyeragaman undang-undang Islam tidak harus dipertikaikan. Beliau tidak pernah mempersoalkan tentang hukum. Yang haram tetap haram baginya.

Apa yang lebih penting, rakyat harus melihat hasil pertemuan itu secara positif, kata pemerhati.

"Ketika kita tidak menolak hakikat bahawa mufti sememangnya pakar dalam bidang agama, mereka selaku tonggaknya harus membuka minda masing-masing agar dapat sama menimba pengetahuan berhubung ilmu-ilmu yang di luar bidang pengajian mereka," kata seorang penganalisis.

Oleh kerana Islam itu sendiri satu "ad-din" atau cara hidup yang sentiasa sesuai dengan peredaran zaman, masanya sudah tiba bagi para pemimpin agama di negara ini membiasakan diri dengan perkembangan sains dan

teknologi.

Tidak semua mufti arif tentang Koridor Raya Multi-Media (MSC), perdagangan elektronik, sains perubatan dan perbankan moden.

Di sinilah perlunya pentadbiran syarak diselaras dan diseragamkan kerana selain pakar agama, bukan semua jawatankuasa majlis fatwa peringkat negeri mempunyai cukup anggota yang arif tentang teknologi maklumat, kerajaan elektronik, era angkasa lepas dan sebagainya.

Pihak berkuasa agama tidak boleh melarikan diri daripada tanggungjawab ini kerana perkembangan sains dan teknologi akan menjadi sebahagian cara hidup umat Islam itu sendiri, atau mereka akan menjadi suatu umat yang tertinggal jauh di belakang.

Bagaimana kelak seseorang mufti akan meletakkan hukum terhadap ujian DNA bagi mengesan baka atau keturunan seseorang? Apa pula hukumnya kaedah "kloning" makhluk bernyawa? Mufti dan pemimpin-pemimpin agama yang lain mestilah mempersiapkan diri daripada sekarang untuk mengemukakan pendapat daripada segi hukum untuk mengelak kekeliruan umat Islam, khususnya bagi generasi akan datang.

Para pemerhati berpendapat langkah menyeragamkan undang-undang Islam merupakan satu petanda baik bahawa kerajaan, khususnya Dr Mahathir, benar-benar mengiktiraf peranan syariat Islam yang dilaksanakan secara bijaksana dengan mengutamakan kesederhanaan dalam soal pendekatan, tindakan, pelaksanaan dan penguatkuasaan.

Pihak berkuasa agama mestilah bijak meletakkan keutamaan sehingga dapat bertindak dengan adil dan wajar.

Malangnya, ketika soal sukan bina badan dan pertandingan ratu cantik digembar-gemburkan, tidak ada seorang pun ulamak yang tampil untuk meletakkan apakah pula hukumnya orang yang memfitnah kononnya Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terbabit dalam skandal seks.

Juga, tidak ada seorang pun pemimpin Islam yang tampil meletakkan apa pula hukumnya orang yang menyamakan Dr Mahathir dengan Firaun dalam satu khutbah Jumaat di sebuah masjid di Subang.

Bukankah memfitnah itu lebih besar dosanya daripada membunuh dan tentunya jauh lebih besar daripada mendedahkan aurat untuk sukan bina badan?

Inilah di antara persoalan yang harus diambil kira oleh para mufti dan pihak-pihak berkuasa agama di negeri-negeri, demi menjaga maruah pemimpin agama itu sendiri serta mencegah kemurniaan Islam daripada tercemar.

Para mufti dan pemimpin agama harus sedar bahawa ketiadaan kesaksamaan dalam soal hukum dan pendekatan yang diambil oleh pihak berkuasa agama negeri-negeri itu boleh menimbulkan kekeliruan, salah faham, perselisihan dan mungkin juga pergaduhan sesama rakyat.

Sebagai pakar dalam soal hukum-hakam agama, setiap fatwa yang dikeluarkan oleh seseorang mufti boleh memberi kesan yang amat besar kepada kehidupan harian rakyat.

Di sinilah timbulnya soal sensitiviti dan perlunya sesuatu fatwa dan pentadbiran hukum syarak negeri-negeri itu diseragamkan.

Adalah diyakini, penyeragaman yang telah dipersetujui itu kelak akan memberi manfaat yang besar terhadap perkembangan agama Islam dan pentadbiran hukum Islam di Malaysia. -- Bernama

am sj